

**SIARAN MEDIA
EDARAN SEGERA**

**BUILDING RESILIENT COMMUNITIES (BRC)
KABUPATEN KARO, PROVINSI SUMATERA UTARA, INDONESIA
Peresmian Program Building Resilient Karo**

Sinabung, 4 Mei 2016: MERCY Malaysia dengan kerjasama Maybank Foundation telah melancarkan program Building Resilient Communities (BRC) di Kabupaten Karo, Provinsi Sumatera Utara, Indonesia pada 13-14 April 2016 yang lepas. Program ini diadakan bagi tujuan memberi kesedaran secara holistik kepada masyarakat tempatan iaitu kelompok sasaran yang berpontesi menerima kesan secara langsung akibat bencana gunung berapi Sinabung melalui teknik dan pendekatan Pengurangan Risiko Bencana (Disaster Risk Reduction) yang telah dirangka kemas oleh MERCY Malaysia.

Gunung berapi Sinabung yang terletak di Kabupaten Karo merupakan gunung berapi yang tidak aktif selama 400 tahun sebelum ia meletup pada tahun 2010 mengakibatkan 10,000 penduduk daripada 10 daerah di Kabupaten Karo kehilangan tempat tinggal. Keadaan gunung berapi yang tidak stabil menyebabkan penduduk-penduduk disekitarnya sentiasa terdedah dengan keadaan yang bahaya luar jangka.

Maka, bagi mengurangi risiko bencana tersebut, MERCY Malaysia dengan kerjasama agensi peneraju tempatan iaitu Badan Penganggulangan Bencana Daerah (BPBD) telah merancang program latihan yang komprehensif bagi tujuan memberi kesedaran dan ilmu pengetahuan bagi mengadakan langkah-langkah persediaan buat penduduk yang terjejas akibat bencana gunung berapi tersebut. Program yang bernilai RM260,000 itu dibiayai sepenuhnya oleh Maybank Foundation melalui cabang Sekretariat Tanggungjawab Korporatnya yang sentiasa memberikan bantuan kemanusiaan kepada masyarakat yang terjejas akibat bencana alam.

Menurut En Ahmad Faezal bin Mohamed, Ketua Sekretariat Tanggungjawab Korporat Maybank Foundation (Yayasan Maybank), "Yayasan Maybank sentiasa menyokong usaha-usaha bantuan kemanusiaan oleh badan-badan bukan kerajaan di rantau ini, dan kami pernah menyumbangkan bantuan kepada penduduk yang terjejas akibat erupsi Gunung Merapi di Pulau Jawa pada tahun 2010. Alhamdulillah, kali ini kami berasa bertuah kerana dapat membantu komuniti tempatan yang terkesan akibat bencana gunung berapi dan gempa bumi Sinabung. Kami yakin dengan kerjasama yang erat antara kami dan MERCY Malaysia, segala usaha-usaha untuk membina sebuah masyarakat berdayatahan di Kabupaten Karo melalui program Building Resilient Karo akan terlaksana dengan jayanya, insyaAllah."

Antara objektif utama yang telah digariskan oleh MERCY Malaysia untuk program ini adalah memastikan golongan sasaran mempunyai keupayaan serta daya tahan dalam menghadapi situasi bencana. Di antara keupayaan yang dimaksudkan termasuklah keupayaan absobtif, adaptif dan transformatif. Menurut En Norazam Ab Samah, Pengarah Program Pembangunan Strategik MERCY Malaysia, "latihan yang diberikan ini akan meningkatkan pengetahuan tentang bencana dan risikonya serta menghasilkan masyarakat yang berkeupayaan dalam menampung tekanan semasa bencana, keupayaan penyesuaian di fasa-fasa yang berbeza termasuklah fasa pemulihan serta jangka masa panjang. Keupayaan transformatif, merupakan keupayaan perubahan fungsi komponen fizikal alam bina di saat-saat kecemasan atau bila diperlukan, sebagai contohnya padang bola dijadikan heli-pad, dewan orang ramai berubah menjadi pusat pemindahan sementara. Di samping itu, peserta juga akan didedahkan tentang konsep serta amalan pengurangan risiko serta faktor kerentanan bagi masyarakat sebagai langkah persediaan dalam menghadapi bencana."

Justeru, selain memberikan kesedaran ilmiah secara teori, program ini juga bertujuan untuk membina kekuatan institusi, mekanisma dan daya tahan bagi menghadapi bencana secara praktikal dan simulasi. Terdapat lima buah modul yang digunakan dalam program ini yang menyasarkan beberapa kelompok masyarakat iaitu Community Based Disaster Risk Reduction & Management (CBDRRM), School Preparedness Program (SPP), Resilient Hospital (RH) dan Local Government Units. Program-program ini akan dilaksanakan melalui pendekatan latihan, bengkel, seminar, latihan simulasi dalam kelas dan sebagainya yang akan berjalan serentak pada yang sama.

Pada ketika ini, lebih daripada 9000 penduduk yang kehilangan tempat tinggal, masih menetap di dewan-dewan serbaguna sebagai penempatan sementara. Maka selain memberikan pendedahan dan ilmu pengetahuan, program ini dijangka dapat memberikan ilmu tentang pengurusan penempatan sementara yang lebih kondusif buat yang telah kehilangan tempat tinggal.

Tamat.

For more information, please contact:

Herman Abdullah, Webmaster & Social Media Officer, MERCY Malaysia

E: herman@mercy.org.my T:+603-21422007 (Ext:246) M:+6019 2257293

#####

About MERCY Malaysia

MERCY Malaysia is a non-profit organisation focusing on providing medical relief, sustainable health-related development and risk reduction activities for vulnerable communities in both crisis and non-crisis situations. MERCY Malaysia recognises the value of working with partners and volunteers as well as providing opportunities for individuals to serve with professionalism. We uphold the Code of Conduct for the International Red Cross and Red Crescent Movement and NGOs in Disaster Relief and hold ourselves accountable to our donors and beneficiaries. As a non-profit organisation, MERCY Malaysia relies solely on funding and donations from organisations and generous individuals to continue our services to provide humanitarian assistance to our beneficiaries. For more information, please visit www.mercy.org.my

How is MERCY Malaysia funded?

To ensure independence and impartiality, MERCY Malaysia relies on donations from the general public for financial support. A portion of our income is obtained from institutional donors, individual government grants and other international organizations, which are given on project basis. MERCY Malaysia spends 80% of its income in carrying out its relief operations and support.

Important Note to Media: Usage of Wordmark MERCY Malaysia

In order to avoid confusion with other organisation(s) that uses “Mercy” as the organisation’s name or part of the organisation’s name, please take note that in addressing the name of our organisation, the wordmark for MERCY Malaysia is with capitalised “MERCY”, followed by the word “Malaysia”. When describing the organisation, the term “MERCY Malaysia” must always be used in full, and should not be partially referred to as “MERCY”, or “Mercy”. Thank you for your cooperation.